

**ENAKMEN 6 TAHUN 1991
ENAKMEN KESALAHAN SYARIAH (NEGERI MELAKA) 1991**

BAHAGIAN IV - KESALAHAN-KESALAHAN LAIN

Seksyen 93. Pemansuhan.

(1) Bahagian IX, Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak 1959 [*En. 1/59*] adalah dengan ini dimansuhkan dengan syarat bahawa segala perbicaraan yang telah dimulakan di bawah Enakmen tersebut yang dengan ini dimansuhkan hendaklah berterusan seolah-olah Enakmen ini belum diluluskan.

(2) Pemansuhan ini tidak menyentuh perjalanan Enakmen tersebut yang dimansuhkan terdahulu atau apa-apa perkara yang dilakukan atau bertanggung di bawahnya atau apa-apa hak, keistimewaan, kewajipan atau lebaliti yang diperolehi, terakru atau berlaku di bawahnya.
